

UPM lancar Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan & Hari Alam Sekitar perkukuhkan amalan budaya kerja selamat dan sihat



SERDANG, 22 Okt – Universiti Putra Malaysia (UPM), menerusi Pejabat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) UPM dengan kerjasama Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat (PSPK), UPM telah menganjurkan Sambutan Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Universiti Putra Malaysia Tahun 2024.

Majlis bertemakan “Kesan Perubahan Iklim Terhadap Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan” adalah inisiatif serta usaha universiti untuk memberi

pendidikan berkenaan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 1994 dan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.



Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UPM, Profesor Dr. Zamberi Sekawi berkata Sistem Pengurusan KKP yang selamat dan sihat, penting diberikan penekanan di tempat kerja bagi memastikan tempat kerja menjadi tempat yang selamat bagi pekerja.

“Dengan adanya budaya kerja yang selamat dan sihat dalam kalangan masyarakat, kita akan sentiasa bersedia menghadapi segala kemungkinan dari segi cabaran di tempat kerja serta faktor persekitaran seperti perubahan iklim yang ekstrem dan penyebaran wabak.





“Pengamalan kerja Sistem Pengurusan KKP penting bagi membolehkan pekerja bekerja dengan tekun, efisien, dan produktif, selain membangunkan perkhidmatan di UPM yang berkualiti dan beroperasi dengan baik dalam jangka masa panjang,” katanya

Dalam pada itu, Sambutan Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Universiti Putra Malaysia Tahun 2024 adalah bertujuan untuk memupuk amalan budaya kerja selamat dan sihat dalam kalangan kakitangan UPM.

Berita Lain...



UPM anjur Program Profesionalisme dan Penghayatan Rukun Negara perkasa jati diri pelajar

[Baca lagi »](#)



UPM kaji peranan bahasa dalam membangun kepercayaan awam terhadap dasar keterjaminan...

[Baca lagi »](#)



Pertanian Bandar Hubungkan Komuniti, Teknologi dan Kelestarian Alam

[Baca lagi »](#)



Pakar getah antarabangsa kongsi hala tuju industri getah mampan di Putra Plantation Forum 15

[Baca lagi »](#)



UPM Raih Naib Johan Anugerah Tenaga ASEAN 2025

[Baca lagi »](#)



Program Mobiliti Outbound Perkukuh Jalinan UPM–UNHAS

[Baca lagi »](#)

Arkib Berita

Terkini

Tahun

[2025](#)

[2024](#)

[2023](#)

[2022](#)

[2021](#)

[2020](#)

[2019](#)

[2018](#)

[2017](#)



Universiti Putra Malaysia

43400 UPM Serdang

Selangor Darul Ehsan

Malaysia

+603-9769 1000
pspk@upm.edu.my

Media

Berita

Artikel

Video

Keratan Akhbar

Dokumen

Hubungi Kami

Maklum Balas

Lain-Lain

UPM Holdings

Nombor Plat UPM

Give to UPM

Tender dan Kontrak

Kementerian Pendidikan Tinggi

UPM AI HUB



[Disclaimer](#) [Privacy and Security Policy](#) [Copyright](#) [Help](#)

© 2023 Universiti Putra Malaysia